# THE COLLABORATIVE INSTRUCTIONAL DESIGN SYSTEM
# (CIDS New-Gen)
# SISTEM REKA BENTUK INSTRUKSIONAL KOLABORATIF

## MANUAL PENGGUNA: MODUL TAHUN 1 – FASA PENYESUAIAN & FASA KESEDIAAN

*(Penerangan secara keseluruhan fitur-fitur utama perancangan instruksional CIDS New- Gen)*




*Transforming teachers....inspiring learners...*



Hak Cipta Terpelihara © Dynamic Global Vision, 2025

# MODUL TAHUN 1 – FASA PENYESUAIAN & FASA KESEDIAAN

1. Pastikan **Nama Kelas** sudah di cipta oleh Penyelaras dan **Jadual Waktu Pengajaran** telah dicipta oleh guru.
2. **Nama Kelas ini kekal digunakan hingga akhir tahun** *(Contoh: Tahun 1 Bestari dll).*
3. Anda juga perlu memasukkan kelas, kategori subjek, subjek & waktu pengajaran pada **Jadual Waktu Instruksional**
    - Dimulakan dengan **Fasa Penyesuaian** (2 minggu)
    - Kemudian ubahsuai Jadual untuk **Fasa Kesediaan** (2minggu)
    - Setelah tamat kedua-dua Fasa diteruskan mengubahsuai Jadual untuk kelas pembelajaran biasa

**Sila Lihat Manual Pengguna: Modul 4-Cipta Jadual Waktu Instruksional – untuk panduan atau info pada halaman Jadual Waktu Instruksional.**



Hak Cipta Terpelihara © Dynamic Global Vision, 2025

**PENGENALAN PTTS Tahun 1 Edisi 2**




- Modul ini adalah untuk membantu guru-guru merancang RPH mengikut arahan KPM dalam Kit Program Transisi Tahun 1 - 2.0 Edisi 2.
- Anda digalakkan merujuk dokumen ini untuk mendapat info yang sejelas-jelasnya. Anda boleh terus ke laman BPK dan download kit ini atau merujuknya pada laman Subjek & Kategori subjek dalam CIDS New-Gen

## A. Q & A dari BPK/KPM – petikan yang berkaitan sahaja

Sila baca untuk pemahaman:

**Siapakah yang melaksanakan PTTS 2.0?**

Pihak sekolah boleh mengenal pasti guru Tahun Satu atau guru yang sesuai untuk melaksanakan program ini.

**Bolehkah guru prasekolah melaksanakan PTTS 2.0?**

Tidak boleh.



Hak Cipta Terpelihara © Dynamic Global Vision, 2025

**Bolehkah PTTS 2.0 dilaksanakan kurang daripada tempoh yang ditetapkan?**

Tidak. PTTS 2.0 hendaklah dilaksanakan mengikut tempoh yang telah ditetapkan supaya murid bersedia mengikuti pembelajaran Tahun Satu.

**Adakah pihak sekolah perlu menyusun jadual waktu mengikut keperluan sekolah masing-masing dalam melaksanakan PTTS 2.0?**

Pihak sekolah perlu menyusun jadual waktu mengikut cadangan peruntukan waktu yang ditetapkan dalam Kit PTTS 2.0 bagi Fasa Penyesuaian, manakala jadual waktu Tahun Satu digunakan bagi Fasa Kesediaan.

**Bolehkah semua murid Tahun Satu dikumpulkan dalam kumpulan besar bagi mengikuti PTTS 2.0?**

Tidak boleh. PTTS 2.0 perlu dilaksanakan mengikut kelas supaya murid dapat menyesuaikan diri dengan guru, rakan dan persekitaran kelas masing-masing.

**Perlukah RPH disediakan dalam tempoh pelaksanaan PTTS 2.0?**

Ya. RPH perlu ditulis sepanjang PTTS 2.0 berdasarkan ketetapan SPI Bil. 3/1999.

**Bolehkah Murid Berkeperluan Pendidikan Khas (MBPK) mengikuti PTTS 2.0?**

Boleh. Guru boleh mengubah suai pelaksanaan PTTS 2.0 mengikut keperluan MBPK.



Hak Cipta Terpelihara © Dynamic Global Vision, 2025

**Selepas PTTS 2.0, bolehkah murid ditempatkan dalam kelas tertentu mengikut tahap perkembangan mereka?**

Tidak. Murid perlu berada dalam kelas yang sama sepanjang proses pembelajaran mereka di Tahun 1.

**Adakah guru boleh melaksanakan aktiviti lain selain daripada cadangan aktiviti yang terdapat dalam Kit PTTS 2.0?**

Boleh. Guru perlu memastikan semua aktiviti yang dilaksanakan dapat mencapai objektif PTTS 2.0 dan bersesuaian dengan tahap perkembangan murid.

**Bolehkah PTTS 2.0 dilaksanakan dalam bahasa pengantar selain daripada Bahasa Melayu?**

Guru boleh melaksanakan PTTS 2.0 menggunakan bahasa pengantar sekolah masing-masing.

Sila Rujuk Kit PTTS 2.0 Edisi 2 untuk mendapat info yang sepenuhnya.



Hak Cipta Terpelihara © Dynamic Global Vision, 2025

## B. PELAKSANAAN

Sila baca info penting seperti berikut yang dipetik daripada document Kit PTTS 2.0:




### (i) FASA PENYESUAIAN

Fasa Penyesuaian mengandungi pengisian dan peruntukan jumlah waktu dalam satu hari seperti berikut:

Jadual 1: Peruntukan Waktu Sehari

| Pengisian | Peruntukan Waktu |
|---|---|
| Rutin Kelas | 30 minit |
| Perbualan Awal | 30 minit |
| Aktiviti Fizikal | 30 minit |
| Aktiviti Suai Kenal | 120 minit |
| Aktiviti Pembelajaran | 60 minit |
| Rehat | 30 minit |

- Untuk mudahkan guru merancangan RPH dalam CIDS New- Gen ruang Pengisian (Rutin Kelas, dsb) di anggap subjek sebab ada isi kandungannya.



Hak Cipta Terpelihara © Dynamic Global Vision, 2025

- **Contoh Mencipta RPH Fasa Penyesuaian:**
  Memilih **Kategori Institusi, Aras Kelas, Kategori Subjek & Subjek** *(Perlu pilihan yang betul untuk mengelakkan berlaku error)*






Hak Cipta Terpelihara © Dynamic Global Vision, 2025

- Memilih Item-item Pemberitahuan, Tema PAK21, EMK *(opsyenal)*
- Memilih Tajuk Pembelajaran *(disediakan untuk pilihan)*
- Menulis Objektif Pembelajaran




- Objektif boleh ditulis mengikut amalan yang sedia dan boleh merujuk contoh pada PTTS 2.0
- Tekan **Simpan** dan terus merancangan seperti biasa hingga cipta aktiviti RPH
- Aktiviti RPH boleh ditulis sendiri dengan merujuk contoh pada PTTS 2.0 atau menggunakan AI-Smart Search



Hak Cipta Terpelihara © Dynamic Global Vision, 2025

**(ii) FASA KESEDIAAN - Sila rujuk Kit PTTS 2.0 untuk meilhat contoh aktiviti pembelajaran.**

**Peringatan – Anda perlu mengubahsuai (tamat & salin) Jadual untuk Fasa Kesediaan – sebab pengisian subjeknya tidak sama. Sila rujuk info pada halaman Cipta Jadual Waktu Instruksional.**



PELAKSANAAN AKTIVITI

PENDEKATAN BERTEMA

Pendekatan bertema ialah kaedah PdP yang menggunakan satu tema yang bersesuaian dengan masa, tempat, minat dan latar belakang murid. Pendekatan ini bertujuan untuk mewujudkan PdP yang menyeronokkan, mendalam dan bermakna. Pendekatan ini mengintegrasikan pelbagai bidang pengetahuan, kemahiran dan nilai.

Guru boleh merancang PdP menggunakan tema yang dicadangkan seperti Rajah 4. Guru juga boleh memilih tema lain yang bersesuaian. Contoh aktiviti disediakan sebagai panduan dalam merancang aktiviti semasa fasa ini.



Hak Cipta Terpelihara © Dynamic Global Vision, 2025




Rajah 4: Contoh Tema

### (iii) SUBJEK – YANG TERDAPAT DALAM PTTS 2.0 – BPK/KPM

1. Bahasa Melayu
2. English
3. Matematik
4. Sains
5. Pendidikan Jasmani dan Pendidikan Kesihatan
6. Pendidikan Muzik
7. Pendidikan Seni Visual
8. Pendidikan Islam
9. Pendidikan Moral

| BIL | SUBJEK | ITEM PERANCANGAN | |
|---|---|---|---|
| 1 | Bahasa Melayu | **Tema** – ada pilihan<br>**Subtema** – ada pilihan<br>**Objektif Pembelajaran** – isi sendiri – Rujuk contoh dalam PTTS 2.0 | Disamping tema dan subtema yang dicadangkan dalam PTTS 2.0, CIDS New-Gen mengekalkan Tema dan Subtema sebelum ini untuk dijadikan pilihan, |
| 2 | English | | |
| 3 | Matematik | | |
| 4 | Sains | | |
| 5 | Pendidikan Jasmani dan Pendidikan Kesihatan | | |
| 6 | Pendidikan Muzik | | |



Hak Cipta Terpelihara © Dynamic Global Vision, 2025

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| 7 | Pendidikan Seni Visual | | | oleh kerana guru dibenarkan memamasukkan tema-tema lain yang sesuai. Sila Rujuk PTTS 2.0 |
| 8 | Pendidikan Islam | | | |
| 9 | Pendidikan Moral | | | |
| ***10** | **Bahasa Arab** | *opsyenal* | | |
| ***11** | **Bahasa Cina** | | | |
| ***12** | **Bahasa Tamil** | | | |

***** Subjek Tambahan – Bahasa Arab, Bahasa Tamil, Bahasa Cina – dimasukkan juga kontennya jika diperlukan

(**Tidak terdapat dalam PTTS 2.0)*

- **Mencipta RPH Fasa Kesediaan – Memilih Aras Kelas, Kategori Subjek & Subjek**






Hak Cipta Terpelihara © Dynamic Global Vision, 2025




- Tekan **Simpan** dan terus merancangan seperti biasa hingga cipta aktiviti RPH – sila lihat Kit PTTS 2.0 untuk melihat contoh merancang aktiviti pembelajaran



Hak Cipta Terpelihara © Dynamic Global Vision, 2025

# LAMPIRAN

## MENCIPTA JADUAL WAKTU INSTRUKSIONAL

- Pastikan Jadual Waktu Instruksional dicipta terlebih dahulu




- Pastikan Info dibawah dipatuhi (contoh untuk Modul Penyesuaian)






Hak Cipta Terpelihara © Dynamic Global Vision, 2025

**RUMUSAN**

- ✓ Cipta Kelas – (penyelaras)
- ✓ Cipta Jadual Waktu Instruksional (guru)
- ✓ Cipta RPH
    - Modul Penyesuaian (2 minggu)
    - Modul Kesediaan (2 minggu)
- ✓ Sila rujuk PTTS 2.0 untuk melihat contoh aktiviti pembelajaran

Setiap Fasa perlu diubahsuai Jadual waktu insruksional.



Hak Cipta Terpelihara © Dynamic Global Vision, 2025